

Headline	TNB terima pembiayaan projek LSS RM144 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	39
ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>	Journalist	NABILA YASMIN
PR Value	RM 11,444		



# TNB terima pembiayaan projek LSS RM144 juta

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 10 Jan.** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memperoleh pembiayaan sebanyak RM144 juta bagi Projek Solar Berskala Besar (LSS) keduanya di Bukit Selambau, Kuala Muda, Kedah.

TNB berkata, anak syarikatnya, TNB Bukit Selambau Solar Sdn. Bhd. (TBSS) bersama MUG Bank (Malaysia) Bhd. telah memuktamadkan pembiayaan bagi projek berkenaan.

Katanya, MUG Bank akan menyediakan dana dan modal kerja bernilai sehingga RM144 juta yang diperlukan untuk projek LSS tersebut

TBSS, sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang ditubuhkan untuk melaksanakan LSS di Kuala Muda, Kedah telah dianugerahkan kontrak oleh Suruhanjaya Tenaga melalui proses pembidaan yang kompetitif.

"TNB dan TBSS menandatangani Perjanjian Pembelian Kuasa (PPA) selama 21 tahun bagi projek berkenaan pada awal Mac 2018. Projek tersebut dijadualkan siap pada suku keempat 2020," katanya dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia di sini hari ini.

TNB berkata, kapasiti penjana bagi LSS tersebut adalah 30 megawatt (MW) manakala LSS pertama TNB di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor mampu menjana kapasiti penuh sebanyak 50MW.



TNB dan TBSS menandatangani Perjanjian Pembelian Kuasa (PPA) selama 21 tahun bagi projek berkenaan pada awal Mac 2018. Projek tersebut dijadualkan siap pada suku keempat 2020."

## TNB

Syarikat utiliti negara itu berkata, projek LSS adalah bukti aspirasi dan komitmen TNB ke arah pertumbuhan tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia.

Ia juga mencerminkan kecakapan dan kepakaran TNB dalam RE serta memiliki reputasi sebagai pemaju projek tenaga.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menetapkan sasaran sebanyak 20 peratus daripada tenaga elektrik negara akan dijana menerusi sumber boleh diperbaharui menjelang 2030.